

## Kemungkinan MCA dipecat: PM tak tahu

BM 11 AUG 1985

KUALA LUMPUR, Sabtu — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, beliau tidak tahu menahu mengenai kemungkinan MCA dipecat daripada Barisan Nasional.

"Saya tidak tahu. Mungkin ada orang yang menyebarkan khabar-khabar angin," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Pangsapuri Ultimate, di sini hari ini.

Ditanya mengenai perkembangan terbaru dalam krisis MCA, Perdana Menteri berkata, krisis itu adalah urusan rumahtangga MCA dan beliau tidak campurtangan.

Datuk Seri Dr Mahathir juga menafikan

bahawa krisis MCA akan menjadi tajuk utama mesyuarat Majlis Tertinggi Barisan Nasional pada 17 Ogos ini.

"Tiada agenda mengenai perkara itu dalam mesyuarat 17 Ogos ini. Bagaimanapun, kami akan membincangkan sebarang perkara yang ditimbulkan oleh majlis nanti," ujar Perdana Menteri.

Mengenai permohonan kemasukan Parti Bersatu Sabah dalam Barisan Nasional, Datuk Seri Dr Mahathir menjelaskan, perkara itu akan dibincangkan dalam mesyuarat berkenaan.